

Headline	Dana Bumiputera Al-Ansar dilancar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Mohd Azrone Sarabatin	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883



Dana Bumiputera Al-Ansar dilancar

» *Tabung Haji tawar khidmat pinjaman, kredit kepada syarikat PKS Muslim*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Haika Khazi

► Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) semalam melancarkan Dana Bumiputera Al-Ansar bernilai RM200 juta bagi menyediakan kemudahan pinjaman dan kredit sehingga RM1 juta kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) milik Bumiputera Muslim terpilih.

Datuk Seri Najib Razak berkata, pelancaran dana patuh syariah pertama di Malaysia itu adalah antara usaha terbaharu TH untuk membantu usahawan Bumiputera Muslim meningkatkan daya saing dan mengembangkan perniagaan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, pembiayaan bagi dana itu diberikan keutamaan kepada 11

sektor iaitu makanan halal, minyak dan gas, pendidikan, kesihatan, pertanian dan asatani, pembinaan, pengangkutan, sokongan telekomunikasi dan utiliti serta pemborongan dan peruncitan serta hospitaliti.

Katanya, dana berkenaan menawarkan kemudahan pembiayaan kredit bernilai

antara RM50,000 hingga RM1 juta yang akan disalurkan oleh Bank Islam sebagai agen pengurus dana.

Saranan untuk GLC lain

“Langkah TH ini adalah amat baik sekali. Saya mahu sampaikan setinggi tahniah dan ia diyakini mampu memberi im-

Headline	Dana Bumiputera AI-Ansar dilancar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Mohd Azrone Sarabatin	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883

pak yang besar (kepada masyarakat Bumiputera).

“Saya harap GLC (syarikat berkaitan kerajaan) lain boleh ikut cara seperti ini. Diharap ia boleh beri manfaat besar kepada masyarakat khususnya Bumiputera,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian dana itu di Bilik Taklimat Parlimen, di sini.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan

Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan dana berkenaan adalah pertama seumpamanya di bawah Pelaburan Terhadap pertama di Malaysia diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

“Saya berharap langkah ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera Muslim, selain memastikan usahawan sedia ada dapat dipertingkatkan keupayaan dan sum-

bangannya dalam membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Terjemah agenda nasional
Terdahulu Perdana Menteri berkata, agenda memperkasa Bumiputera yang menjadi sebahagian agenda nasional kerajaan perlu diterjemah dalam pelbagai bentuk tindakan dan program.

Beliau menjelaskan, ia bagi membolehkan keberhasilan terhadap matlamat utamanya, iaitu mempertingkat dan merencanakan keupayaan eko-

nomi Bumiputera dapat dicapai dengan jayanya.

Kerajaan kini kata Najib, sudah melaksana beberapa langkah bagi menyokong agenda itu antaranya melaksana program pembangunan modal insan menerusi Pusat Perakauan di Universiti Teknologi MARA (UiTM), bertujuan melahirkan akauntan Bumiputera serta melantik kontraktor Bumiputera dalam projek berskala besar seperti pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan Mass Rapid Transit (MRT).

“
Saya berharap langkah ini dapat melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera Muslim

Najib Razak,
Perdana Menteri

Headline	Dana Bumiputera Al-Ansar dilancar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Apr 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	376 cm ²
Journalist	Mohd Azrone Sarabatin	AdValue	RM 12,961
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,883



Najib bersalaman dengan Abdul Azeez sambil diperhatikan Jamil Khir dan Ismee (dua dari kiri) selepas **merasmikan Dana Bumiputera Al-Ansar** di Bilik Taklimat Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]